

Nama:

Bahasa Melayu

01Nov - 05Nov 2021

Ayat Susunan Biasa dan Ayat Susunan Songsang

1. Ayat susunan biasa ialah ayat yang subjeknya di hadapan dan predikatnya di belakang. (subjek + predikat)
2. Ayat susunan songsang ialah ayat susunan biasa yang disongsangkan, iaitu predikat mendahului subjek. (predikat + subjek)

Ayat Susunan Biasa	Ayat Susunan Songsang 倒装句
Ayah Kishan / telah menyimpan wang di bank.	Telah menyimpan wang di bank / ayah Kishan.
Pegawai tentera itu / sangat segar.	Sangat segar / pegawai tentera itu.
Pemandangan di kawasan itu / sangat cantik.	Sangat cantik / pemandangan di kawasan itu.
Anak bongsunya / pelajar di kolej itu.	Pelajar di kolej itu / anak bongsunya.
Ini / telefon pintar kakak.	Telefon pintar kakak / ini.
Angin kencang / bertiup dari utara.	Bertiup dari utara / angin kencang.
Ravi dan rakan-rakan / bermain hoki di padang.	Bermain hoki di padang / Ravi dan rakan-rakan.
Sahabat Irfan selalu di rumah neneknya.	Selalu di rumah neneknya / sahabat Irfan.
Keluarga mereka / akan ke majlis kenduri kahwin.	Akan ke majlis kenduri kahwin / keluarga mereka.

Tips :

1. Jangan buang perkataan.
2. Jangan tambah imbuhan.
3. Jangan tambah perkataan.
4. Ubah kedudukan sahaja.

Nama:

Bahasa Melayu

01Nov - 05Nov 2021

Latihan 1

Tukarkan ayat susunan biasa di bawah kepada ayat susunan songsang.

1. Mastura pelajar Tahun 1 Mawar.

2. Pekerja restoran itu telah dibayar gaji.

3. Penyanyi tersebut tidak begitu terkenal.

4. Bungkusan besar ini untuk penghuni rumah pangsa.

5. Tuan Malik masih kacak.

6. Rasa buah itu enak sekali.

7. Pelajar itu sangat rajin.

8. Pegawai itu masih belum sampai.

9. Encik Subra ke kaunter pengurup wang.

10. Ayah Kishan ingin menukar mata wang Australia.

Nama:

Bahasa Melayu

01Nov - 05Nov 2021

Latihan 2

Tukarkan ayat susunan songsang di bawah kepada ayat susunan biasa.

1. Comelnya sungguh budak perempuan itu.

2. Masih belum sampai makanan yang kami pesan.

3. Jika menukarkannya sekarang,ayah akan untung.

4. Tidak terjejas popularitinya, walaupun sudah 20 tahun berada dalam industri seni tanah air.

5. Sangat peramah jiran baharu kami.

6. Belum dimasak makanan untuk hidangan tengah hari.

7. Masih kuat sekali datuk.

8. Boleh dimuatkan di dalam bas sebanyak 40 orang penumpang.

9. Sangat petah memberikan hujah peserta pertandingan bahas itu.

Nama:

Bahasa Melayu

01Nov - 05Nov 2021

Latihan 3

Tukarkan ayat susunan biasa di bawah kepada ayat susunan songsang.

1. Semua barang di Kedai Muthu buatan Malaysia.

2. Banyak muridnya telah berjaya dalam bidang ekonomi.

3. Mesin baharu itu dapat menghasilkan produk yang lebih baik.

4. Encik Idrus guru Bahasa Inggeris.

5. Mereka yang baru tiba pekerja baharu di kilang ini.

6. Komputer riba ini mempunyai sistem pemprosesan yang canggih.

7. Juruacara majlis tadi sangat fasih bertutur.

8. Para pelajar pada masa itu sedang meneliti soalan.

9. Lelaki berbaju kot dan bertali leher di sana pegawai pertanian.

10. Para penonton agak terpesona dengan persembahan pelajar kita.
